



13 OCT, 2024

KAMERA TINGKAT INTEGRITI PEGAWAI

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

KAMERA TINGKAT INTEGRITI PEGAWAI

Aduan berkenaan tatakelakuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai JKDM menurun 38.46 peratus

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Sepang

Aduan berkenaan tatakelakuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menurun selepas penggunaan kamera badan (BWC).

Ketua Pengarahnya Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, berdasarkan data aduan 1 Ogos 2023 hingga 31 Julai lalu, hanya lapan kes diterima berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya yang merekod 13 kes.

Katanya, ia menyaksikan pengurangan jumlah aduan 38.46 peratus, yang secara tidak langsung membuktikan keberkesanan penggunaan BWC dan meningkatkan tahap integriti pegawai.

“BWC ini komitmen JKDM dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik di samping dapat meningkatkan kepercayaan



ANIS Rizana (kanan) memakaikan kamera badan atau BWC kepada salah seorang pegawai kastam pada Majlis Pelancaran BWC di KLIA.

masyarakat terhadap jabatan ini,” katanya selepas Majlis Pelancaran Kamera Badan di Bangunan Pentadbiran AMC Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Terdahulu, projek rintis pemakaian BWC terhadap pegawai barisan hadapan JKDM bermula Ogos tahun lalu, membabitkan perolehan 60 unit secara se-

waaan bagi tempoh 36 bulan dengan kos RM1.59 juta.

Anis Rizana berkata, lima lokasi dipilih untuk penggunaan BWC membabitkan 12 unit di Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat; 24 unit di JKDM KLIA Terminal 1 dan KLIA Terminal 2; 12 unit di JKDM Selangor manakala 12 unit lagi di JKDM Johor.

Katanya, JKDM berharap kerajaan dapat menambah aset itu pada masa

depan dan diperluas kepada semua pegawai barisan hadapan di pintu masuk di seluruh negara.

Menurutnya, selain memastikan integriti pegawai, BWC secara tidak langsung melonjak kutipan hasil sebanyak RM6.34 juta pada Januari hingga September tahun ini bagi cawangan pemeriksaan penumpang (CPP) di KLIA dan KLIA Terminal 2.



PEMAKAIAN BWC bertujuan bagi menambah baik tahap integriti pegawai di JKDM serta meningkatkan aktiviti penguatkuasaan termasuk risikan dalam membendung ketirisan hasil negara melalui pencegahan aktiviti penyeludupan.



13 OCT, 2024

KAMERA TINGKAT INTEGRITI PEGAWAI

Metro Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Aduan berkenaan tatakelakuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai JKDM menurun 38.46 peratus

Oleh Samadi Ahmad

a m @ h m e t r o . c o m . m y S epang Aduan berkenaan tatakelakuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menurun selepas penggunaan kamera badan (BWC).